



KENYATAAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

Tambang BAS.MY Kuching diturunkan sehingga 43.65% selaras dengan bandar-bandar lain di Malaysia

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerusi LPKP Sarawak mengucapkan terima kasih atas maklum balas yang positif susulan bermulanya perkhidmatan BAS.MY Kuching pada 5 Mac 2025.

Kuching merupakan bandar terkini untuk mendapat bas ikonik merah jambu yang sebelum ini telah mula beroperasi di Seremban, Melaka, Ipoh, Kangar dan Kuala Terengganu di bawah program Kerajaan Persekutuan iaitu Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST).

Untuk makluman, sejak 2009, pengendali bas berhenti-henti berhawa dingin di Sarawak dibenarkan untuk mengenakan tambang sehingga RM1.04 untuk 3 kilometer pertama diikuti 18 sen bagi setiap kilometer yang berikutnya.

Di Semenanjung Malaysia, pengendali bas berhenti-henti berhawa dingin hanya dibenarkan untuk mengenakan tambang 94 sen untuk 2 kilometer pertama diikuti oleh 9.4 sen bagi setiap kilometer yang berikutnya untuk kawasan di luar Kuala Lumpur.

Siling tambang yang lebih fleksibel di Sarawak bertujuan membantu pengendali bas tempatan untuk memastikan perkhidmatan yang mampan (*financially sustainable*) dengan mengambil kira cabaran operasi tempatan.

Buat masa ini, Perkhidmatan tambang BAS.MY Kuching adalah berdasarkan jadual tambang Sarawak.

Memandangkan perkhidmatan BAS.MY merupakan sebuah program oleh Kerajaan Persekutuan, Menteri Pengangkutan Malaysia Anthony Loke telah bersetuju untuk menurunkan tambang BAS.MY Kuching supaya diselaraskan bersama perkhidmatan BAS.MY di bandar-bandar lain di Malaysia.

Oleh yang demikian, perkhidmatan BAS.MY Kuching akan menggunakan jadual tambang baharu berkuatkuasa 11 Mac 2025. Ini bermaksud tambang maksimum untuk laluan Q10 BAS.MY Kuching akan melihat penurunan sehingga 43.65%.

Contoh tambang baharu adalah seperti berikut:

Destinasi	Tambang Lama	Tambang Baharu	Perubahan (%)
Open Air Market - Pusat Jantung Sarawak	RM3.50	RM2.30	-34.29%
Open Air Market - Unimas Hospital	RM4.30	RM2.70	-37.21%
Open Air Market - Siburan	RM6.80	RM4.00	-41.18%

Penumpang yang kerap menggunakan perkhidmatan BAS.MY Kuching boleh mendapatkan **Pas 30 Hari BAS.MY** berharga RM50 yang membolehkan penggunaan perkhidmatan BAS.MY Kuching secara tanpa had untuk 30 hari.

Golongan OKU, warga emas berumur 60 ke atas, pelajar sekolah dan mahasiswa (IPTA, Politeknik, Kolej Komuniti dan Matrikulasi) juga boleh menikmati tambang percuma dengan memohon **Kad Konsesi BAS.MY**. Untuk maklumat lanjut, sila layari media sosial rasmi LPKP Sarawak.

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
10 MAC 2025



PRESS STATEMENT COMMERCIAL VEHICLE LICENSING BOARD (CVLB) SARAWAK

BAS.MY Kuching fare reduced up to 43.65% in line with other cities in Malaysia

The Ministry of Transport Malaysia (MOT), through LPKP Sarawak, welcomes the encouraging response from the public following the launch of the BAS.MY Kuching service on 5 March 2025.

Kuching is the latest city to receive the iconic pink buses, which have also begun operating in Seremban, Melaka, Ipoh, Kangar, and Kuala Terengganu under the Federal Government's Stage Bus Service Transformation (SBST) Programme.

Since 2009, air-conditioned stage bus operators in Sarawak have been allowed to charge fares of up to RM1.04 for the first 3 kilometres, followed by 18 sen for each subsequent kilometre.

In Peninsular Malaysia, air-conditioned stage bus operators are only allowed to charge 94 sen for the first 2 kilometres, followed by 9.4 sen per kilometre for areas outside Kuala Lumpur.

The more flexible fare ceiling in Sarawak is intended to help local bus operators maintain a financially sustainable service, considering local operational challenges.

Currently, BAS.MY Kuching's fare is based on Sarawak's fare schedule.

As BAS.MY is a Federal Government programme, Minister of Transport Anthony Loke has agreed to reduce BAS.MY Kuching fares to align with BAS.MY services in other cities across Malaysia.

Therefore, BAS.MY Kuching will adopt the new fare schedule effective 11 March 2025. This means for the BAS.MY Kuching Q10 route, the maximum fare will see a reduction of up to 43.65%.

An example of the revised fares are as follows:

Destination	Old Fare	New Fare	Change (%)
Open Air Market - Pusat Jantung Sarawak	RM3.50	RM2.30	-34.29%
Open Air Market - Unimas Hospital	RM4.30	RM2.70	-37.21%
Open Air Market - Siburan	RM6.80	RM4.00	-41.18%

Frequent BAS.MY Kuching passengers can purchase the **BAS.MY 30-Day Pass** for RM50, allowing unlimited use of BAS.MY Kuching services for 30 days.

Persons with disabilities (OKU), senior citizens aged 60 and above, school students, and tertiary education students (Public University, Polytechnic, Community College and Matriculation) can ride for free by applying for the **BAS.MY Concession Card**.

For more information, please visit LPKP Sarawak's official social media channels.

-END-

Media Inquiry:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

COMMERCIAL VEHICLE LICENSING BOARD (CVLB) SARAWAK
10 MARCH 2025